

16/10/1997

Selangor tidak perbaharui kontrak mufti

SHAH ALAM, Rabu - Kerajaan Selangor hari ini memutuskan tidak memperbaharui khidmat Mufti Selangor, Datuk Ishak Baharom, yang dilantik secara kontrak dua tahun sekali, berkuatkuasa akhir bulan ini.

Ishak, 70, yang memiliki ijazah syariah, mula berkhidmat sebagai Mufti Selangor secara lantikan kontrak dua tahun sekali, pada 16 Ogos 1985 sebelum dilanjutkan sehingga 1989 dan disambung semula pada 1991, 1993, 1995 sehingga sekarang.

Ketika pelantikannya, Ishak berusia 58 tahun, selepas tiga tahun beliau bersara sebagai guru agama.

Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar, berkata keputusan itu dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (Exco) dalam mesyuarat mingguannya di sini, hari ini.

"Dengan menamatkan kontrak Ishak yang sudah berkhidmat sebagai Mufti Selangor selama 12 tahun, kerajaan negeri akan melantik mufti baru yang lebih muda dan berkecukupan untuk menggantikannya," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat itu.

Turut hadir ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK), Datuk Hashim Meon; Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Abdul Aziz Mohd Yusof; dan Penasihat Pegawai Undang-Undang Negeri, Ahmadi Asnawi.

Ishak baru-baru ini dikaitkan dengan kontroversi ekor an akhbar lidah rasmi Pas, Harakah memetik beliau kononnya menuduh iman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terpesong berikutan kenyataan Perdana Menteri mengenai kes penangkapan tiga peserta ratu cantik di Selangor oleh Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Berikutan laporan akhbar berkenaan, Perdana Menteri menyatakan beliau tersinggung dengan perkara itu. Bagaimanapun, isu itu dianggap selesai selepas Ishak dilaporkan menjelaskan kedudukan sebenar.

Bagaimanapun tidak lama selepas itu, Ishak dilaporkan menyatakan kesalnya kerana tiada seorang pun pemimpin kerajaan negeri mempertahankan tindakan Jais menahan tiga gadis Islam yang menyertai pertandingan ratu cantik.

Beliau dilaporkan menyatakan demikian ketika menyampaikan ceramah di Masjid Az-Zubir Ibnu Al-Awwam, Cheras.

Abu Hassan berkata, beliau akan menyerahkan nama tiga calon mufti kepada Sultan Selangor untuk mendapat perkenannya sebelum mengumumkannya sebaik saja kembali dari Amerika Syarikat, akhir bulan ini.

Beliau akan berlepas ke Amerika Syarikat esok untuk mengiringi Sultan Selangor menyampaikan tauliah Pemangku Sultan Selangor kepada Raja Muda pada 23 Oktober ini. Turut serta ialah Hashim dan Ahmadi.

Abu Hassan percaya nama tiga calon yang akan dikemukakan kepada Sultan Selangor adalah paling sesuai menggantikan Ishak, berdasarkan kelayakan dan pengalaman mereka.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai penamatan perkhidmatan Ishak sebagai Mufti Selangor, Abu Hassan berkata kerajaan negeri memang sudah menimbang untuk menamatkan khidmat Ishak sejak awal tahun ini berikutan kontraknya tamat tahun ini.

Bagaimanapun, katanya, hanya selepas membincangkan perkara itu dengan anggota Exco dan dipersetujui oleh semua, barulah keputusan itu diambil.

Menurutnya, tindakan itu sudah dimaklumkan kepada Ishak, malah beberapa perbincangan sudah dibuat sebelum ini turut membabitkan Pengarah Jais, Datuk Nahwari Hashim serta disertai sendiri oleh Ishak.

(END)